A

AMFINANCE BHD

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH H
[RAYUAN JENAYAH NO: MT3(2)-42-18-2005]
30 OKTOBER 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Perlucuthakan - Perlucuthakan kenderaan - Sama ada pihak yang sepatutnya membuat tuntutan adalah penyewa atau perayu - Sama ada keseluruhan harga pembelian dan pembayaran balik pinjaman berpunca daripada sumber yang sah - Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, ss. 32(3), 35*

D

Ini adalah rayuan oleh Amfinance Berhad ('perayu') yang terkilan dengan keputusan Hakim Sesyen pada 20 Julai 2005 yang memerintahkan supaya sebuah kereta bernombor pendaftaran JGU 9096 ('kereta tersebut') dilucuthakkan kepada kerajaan Malaysia menurut s. 32(3) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta'). Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada Hakim Sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau memutuskan kereta tersebut dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia atas alasan pihak yang sepatutnya membuat tuntutan dan memberi keterangan bahawa kereta tersebut bukan harta yang menyalahi undang-undang ('illegal property') ialah penyewa dan bukannya perayu; (ii) sama ada terbukti bahawa kereta tersebut datangnya dari sumber yang sah.

E

F

G **Diputuskan (rayuan ditolak; perintah perlucuthakkan kereta dikekalkan):**

(1) Walaupun kereta tersebut didaftarkan atas nama penyewa dalam kad pendaftaran berdasarkan perjanjian sewa beli, namun ini tidak bermakna bahawa beliau adalah pemilik sebenar ('legal owner') kereta tersebut. Hakmilik masih dituntut oleh perayu. Oleh itu, adalah teratur dalam kes ini bagi perayu membuat tuntutan terhadap kereta mengikut s. 32(1) Akta selain daripada tuntutan yang dibuat oleh satu Cindy Thang Bee Ling yang mewakili penyewa. (perenggan 8)

H

I

(2) Perayu yang diwakili SP1 menyatakan bahawa beliau tidak tahu siapakah yang membayar deposit pembelian kereta tersebut kerana wang deposit telah dibayar terus kepada peniaga (dealer). SP1 mengesahkan bahawa pinjaman yang diberikan oleh perayu kepada penyewa ialah berjumlah RM101,000 dan bayaran bulanan adalah RM1,472 dan beliau tidak tahu siapakah yang membuat pembayaran tersebut. Dalam mematahkan anggapan statutori di bawah s. 35 Akta, iaitu kereta tersebut bukanlah 'harta yang menyalahi undang-undang' perayu perlu membuktikan bahawa keseluruhan harga pembelian dan pembayaran balik pinjaman itu adalah berpunca daripada sumber yang sah. Malangnya perayu telah gagal untuk berbuat demikian. (perenggan 19, 20 & 21)

Obiter:

(1) Perlucuthakkan harta telah terbukti sebagai salah satu alat penguatkuasaan undang-undang yang amat berkesan untuk membanteras kegiatan pengedar-pengedar dadah besar dan rangkaian kegiatan mereka. Kegagalan untuk melumpuhkan struktur ekonomi pengedar-pengedar dadah dan rangkaian kegiatan mereka akan menjejaskan keselamatan, kesihatan dan keamanan negara. Perlucuthakkan harta boleh menghalang cita-cita mereka yang didorong oleh tamak haloba untuk bergiat dalam aktiviti pengedaran dadah. Perlucuthakkan harta akan menafikan keuntungan yang diperolehi daripada jenayah pengedaran dadah yang diperlukan untuk membolehkan mereka meneruskan kegiatan haram tersebut. Perlucuthakkan harta menyerang sasaran yang paling penting pengedar-pengedar dadah iaitu poket atau akaun bank mereka. (perenggan 26)

Kes-kes yang dirujuk:

Hong Leong Bank Bhd v. PP [2009] 8 CLJ 463 HC ***(dirujuk)***
Kii Sie Hoong v. PP [2008] 1 CLJ 683 HC ***(dirujuk)***
MBF Finance Bhd v. Low Ping Ming [2005] 1 CLJ 305 CA ***(dirujuk)***
PP v. Jessie Tan Poh Yoke [2008] MLJU 0910 ***(dirujuk)***
PP v. Tan Lee Kok [1998] 2 CLJ 286 CA ***(dirujuk)***
Public Finance Bhd v. PP [1999] 8 CLJ 485 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988, ss. 2, 8, 25(2), 32(1)(a), (b), (2), (3), 35
Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(1), 6(1)
Federal Constitution, art. 13

A *Bagi pihak perayu - Hargopal Singh; T/n Hargopal Singh & Co*
Bagi pihak responden - Farah Ezlin Yusuf Khan TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

B

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh H:

Rayuan

C

[1] Ini adalah suatu rayuan oleh Amfinance Berhad ('perayu') yang terkilan dengan keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada 20 Julai 2005 yang memerintahkan supaya sebuah kereta jenis Peugeot 307 XS 1.6 bernombor pendaftaran JGU 9096
D (kereta tersebut) dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia menurut s. 32(3) Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ('Akta').

Fakta Ringkas Kes

E **[2]** Bagi memahami isu undang-undang yang terlibat dalam kes ini, adalah perlu fakta ringkas kes dinyatakan seperti berikut:

(a) Berdasarkan satu perjanjian sewa beli bertarikh 27 Januari 2003 ('perjanjian sewa beli tersebut'), perayu telah memberikan kepada
F Thang Weng Ho @ Tommy ('penyewa') satu kemudahan sewa beli dimana perayu bersetuju untuk menyewa kereta tersebut kepada penyewa, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian sewa beli tersebut (lihat perjanjian sewa beli tersebut di lampiran tambahan 'A').
G perjanjian sewa beli tersebut telah dijamin oleh Cham Lai Fong (SP2).

(b) Pada 30 Julai 2004, penyewa telah ditangkap dibawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)
H 1985 bersabit Gelang Patah Repot 295/2004. Ekoran dari tangkapan tersebut, siasatan lanjut telah dijalankan dibawah Akta.

(c) Pada 30 Julai 2004, kereta tersebut telah disita seperti yang dilaporkan dalam Gelang Patah Repot 2953/2004.

I

(d) Pada 9 dan 11 Ogos 2004, notis-notis penyitaan di bawah s. 25(2) Akta telah diserahkan kepada penyewa dan perayu. Pada 12 Ogos 2004, pihak polis telah menerima surat tuntutan bertarikh 11 Ogos 2004 daripada pengurus perayu yang menuntut kereta tersebut dilepaskan kepada mereka.

(e) Pada 14 September 2004, pihak polis telah menerima surta-surat tuntutan bertarikh 7 September 2004 daripada Cindy Thang Bee Ling yang mewakili Penyewa dan Cham Lai Fong (SP2), menuntut kereta tersebut dilepaskan kepada mereka.

(f) Penyewa telah dikenakan perintah tahanan dibawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Percegahan Khas) 1985 di Pusat Pemulihan Akhlak Muar Johor selama dua tahun, mulai 27 September 2004. Oleh itu penyewa ialah "orang kenaan" ('liable person').

(g) Oleh kerana tiada dibuat apa-apa pendakwaan atau prosiding dibawah s. 32(1)(a) dan (b) Akta dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyitaan dan oleh kerana terdapat tuntutan dibawah s. 32(2) Akta dalam tempoh tersebut, Pendakwaraya telah merujuk tuntutan tersebut kepada Mahkamah Sesyen untuk keputusan.

(h) Selepas mendengar tiga orang saksi, pada 2 Julai 2005, hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah menolak tuntutan dan memerintahkan kereta tersebut dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia.

(i) Perayu tidak berpuashati dengan perintah tersebut dan merayu ke Mahkamah Tinggi. Walaubagaimanapun, rayuan tidak dapat didengar dengan segera kerana Tuan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana hanya menyediakan Alasan Keputusan pada 13 November 2008.

Petisyen Rayuan

[3] Walaupun petisyen rayuan mengandungi 14 alasan, namun pada intipatinya alasan utama perayu ialah bahawa hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau memutuskan kereta tersebut dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia atas alasan pihak yang sepatutnya membuat tuntutan dan memberi keterangan bahawa

A kereta tersebut bukan harta yang menyalahi undang-undang. ("illegal property") ialah penyewa dan bukannya perayu. Penyewa adalah "orang kenaan" ('liable person').

[4] Peguambela terpelajar perayu berhujah bahawa walaupun kereta
B tersebut didaftarkan atas nama penyewa, namun pemilik sebenar kereta tersebut ialah perayu. Kad Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bukanlah dokumen hakmilik. Ia hanya menunjukkan bukti pendaftaran kereta tersebut sahaja dan tidak semestinya menunjukkan pemilik yang sebenar di segi undang-
C undang ('legal owner').

[5] Dalam kes ini, penyewa atau penjamin telah mendepositkan sejumlah RM17,950 kepada peniaga, iaitu, Nasim Sdn Bhd. Penyewa tidak mempunyai kewangan yang mencukupi bagi membayar baki harga jualan kereta tersebut. Dengan itu, beliau telah memohon
D kepada perayu untuk mendapatkan satu kemudahan sewa beli. Perayu telah membayar baki harga jualan kereta tersebut sebanyak RM101,000 kepada peniaga, Nasim Sdn Bhd. Perayu juga telah membuat endorsan tuntutan hakmilik terhadap kereta itu dalam Kad Pendaftaran.
E

[6] Dalam keadaan sedemikian, dihujahkan bahawa penendorsan tuntutan hakmilik dalam Kad Pendaftaran kereta tersebut menjadikan penyewa tidak boleh berurusan dengan kereta tersebut tanpa kebenaran perayu. Justeru, tuntutan perayu mengatasi
F kepentingan penyewa walaupun kereta tersebut didaftarkan atas nama penyewa.

[7] Rujukan dibuat kepada kes *MBF Finance Bhd v. Low Ping Ming* [2005] 1 CLJ 305, apabila Augustine Paul HMR (sebagaimana
G dia ketika itu) berkata:

> The definition of 'owner' therefore includes a person who has a rightful claim or title to a thing. This raises the question of whether the ownership claim to the vehicle by the appellants makes them the owners of the vehicle even though it is registered in the name
H of the respondents. It must be remembered that the registration card is not a document of title.
>
> We fail to understand how the initial payment made by the respondents could make them the owners of the vehicle on the facts of this case. The affidavits of the respondents revealed that they
I negotiated with the appellants for a loan as they could not pay the

balance of the purchase price. On the day the agreement was executed the appellants had paid Avian the sum of RM160,000.00. This was followed by an endorsement of the ownership to the vehicle by the appellants in the registration card. In our view the appellants have established their claim to the vehicle. In the circumstances the endorsement of the ownership claim on the registration card of the vehicle means that the respondents cannot deal with the vehicle without the consent of the appellants as they have a claim or title to the vehicle. This makes the appellants the owners of the vehicle for all intents and purpose. The claim of the appellants will prevail over the interest of the respondents even though they are registered as owners. It is therefore clear that the appellants were the owners of the vehicle at the time of the execution of the agreement.

[8] Dengan hormat, mahkamah ini bersetuju dengan hujah peguambela terpelajar perayu bahawa walaupun kereta tersebut didaftarkan atas nama penyewa dalam Kad Pendaftaran berdasarkan perjanjian sewa beli tersebut, namun ini tidak bermakna bahawa beliau ialah pemilik sebenar ('legal owner') kereta tersebut. Hakmilik masih dituntut oleh perayu. Oleh itu, adalah teratur dalam kes ini bagi perayu membuat tuntutan terhadap kereta mengikut s. 32(1) Akta selain daripada tuntutan yang dibuat oleh Cindy Thang Bee Ling yang mewakili penyewa.

Peruntukan Undang-Undang

[9] Prosedur tuntutan telah diperuntukkan dengan jelas dibawah s. 32(2) Akta, iaitu, apabila tuntutan dibuat dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penyitaan harta, adalah menjadi tugas pendakwaraya untuk merujuk harta-harta yang disita tersebut kepada mahkamah dalam tempoh 14 hari setelah tamat tempoh penyitaan itu. Dalam kes *PP v. Tan Lee Kok* [1998] 2 CLJ 286, Mahkamah Rayuan menyatakan:

When such a claim is made, the Public Prosecutor is never required to make an application to the Session Court. The Public Prosecutor is merely required to refer such an application to the Sessions Court ... Therefore, under s. 32, the role of Public Prosecutor is merely to forward the claim and as has been well put by the Deputy Public Presecutor, the role of the Public Prosecutor is that of a 'forwarding agent' ... .

[10] Dalam mana-mana kes rujukan yang dibuat oleh pendakwaraya dibawah s. 32(2) dan suatu pemeriksaan dijalankan oleh Mahkamah Sesyen dibawah s. 32(3) Akta, pada pandangan mahkamah ini, anggapan statutori ("statutory presumption") dibawah s. 35 Akta akan berbangkit. Seksyen 35 memperuntukkan seperti berikut:

> Where any proceedings under this Act are brought against any person or in respect of any property on the ground that such person is a liable person or that such property is illegal property, the court shall presume that person to be a liable and that property to be illegal property, unless the person proceeded against proves to the contrary by admissible evidence and where he adduces any such evidence, the Public Prosecutor shall have the right to rebut the same.

[11] Dalam hubungan ini, kes *PP v. Tan Lee Kok (supra)* menjelaskan:

> Upon being referred to under section 32(2), then pursuant to section 32(3), the Session Court is required to issue a summons to the person claiming and shall proceed to the examination of the matter. From this it can be seen the law does not place the burden on the Public Prosecutor to satisfy the court that the seizure was proper, or that the property ought to be forfeited; on the contrary, the law places a burden on the person who made the claim to answer the summons. Section 32(3) places the burden upon the person making the claim 'upon proof that he is lawfully entitled thereto'. Section 32 therefore, places no burden on the Public Prosecutor to proof anything. It merely places the burden to refer the claim to the Sessions Court.

[12] Peguambela terpelajar berhujah bahawa anggapan statutori dibawah s. 35 tersebut tidak seharusnya dibaca bersama dengan s. 32 Akta. Rujukan dibuat kepada kes *Hong Leong Bank Bhd v. PP* [2009] 8 CLJ 463 apabila mahkamah memutuskan bahawa kes *PP v. Tan Lee Kok (supra)* tidak menyentuh mengenai perkaitan antara s. 32 dan s. 35 Akta. Apa yang difokuskan ialah perbezaan dari segi prosedur antara s. 8 dan s. 32 Akta. Keputusan No. (2) dan (3) kes *Hong Leong Bank v. PP (supra)* dilaporkan seperti berikut:

> (1) Fakta-fakta dan keadaan-keadaan kes ini menunjukkan bahawa perayu tidak terlibat dalam sebarang kegiatan terlarang seperti yang ditafsirkan dalam Akta tersebut berkaitan dengan kenderaan tersebut. Keterangan yang dikemukakan di Mahkamah Sesyen juga menunjukkan bahawa tiada prosiding penyitaan kenderaan tersebut dibuat terhadap perayu atau

penyewa di bawah Bahagian III Akta tersebut, sama ada sebagai orang yang bertanggungjawab atau atas alasan kenderaan tersebut adalah harta haram. Malah, perayu berjaya membuktikan bahawa perayu merupakan bank berlesen yang terlibat dalam perniagaan pembiayaan sewa beli kereta. Pinjaman sebanyak RM300,000 yang diberikan kepada penyewa itu adalah sah di sisi undang-undang dalam urusan lazim perniagaannya. Penyitaan kenderaan tersebut tidak wajar dan bertentangan dengan maksud dan tujuan penggubalan Akta tersebut (lihat perenggan 15 - 16).

(2) Pentafsiran yang sewajarnya diberikan kepada s. 32(3), dari segi keterangan, adalah bahawa di dalam sesuatu tuntutan di bawah seksyen tersebut, satu-satunya beban penuntut adalah untuk membuktikan bahawa dia berhak di sisi undang-undang terhadap harta tersebut, di mana harta tersebut diperolehi secara sah. Apabila berjaya melepaskan beban tersebut, maka beban berpindah pula kepada Pendakwaraya untuk membuktikan bahawa harta tersebut merupakan harta haram dan dalam ketiadaan keterangan yang boleh mematahkan fakta tersebut, Mahkamah Sesyen berhak untuk menganggap bahawa harta tersebut bukan harta haram. Oleh itu, pihak penuntut hanya perlu membuktikan dengan mengemukakan keterangan yang boleh diterima bahawa dia berhak di sisi undang-undang ke atas harta tersebut (lihat perenggan 31 - 31).].

[13] Dengan hormat, mahkamah ini tidak bersetuju dengan keputusan diatas. Dalam kes *Public Finance Bhd v. Public Prosecutor* [1999] 8 CLJ 485, Nik Hashim H (sebagaimana beliau ketika itu) berkata di ms. 489:

> In the present case, the car suspected to be illegal property, was seized under section 25 *and by virtue of section 35 where any proceeding is brought against any property on the ground that such property is illegal property, the court shall presumed that property to be illegal property. The presumption however, is rebuttable by admissible evidence.* (Penekanan ditambah).

[14] Pandangan yang sama telah diberikan oleh Apandi Ali H dalam kes *Pendakwa Raya v. Jessie Tan Poh Yoke* [2008] MLJU 0910 apabila beliau berkata:

> The proceedings undertaken by the Sessions Court under Section 32(3) of the Act, is governed by special provisions in respect of evidence and procedure, namely under part VI of the Act. One of

A the special provision is the provision in respect of the presumption as to "liable person" and "illegal property" under section 35 of the Act.

Seterusnya beliau berkata:

B Applying to presumption under Section 35 which is to be read together with section 32(3) of the Act, it is clear that the onus or burden of proof lies with the claimant. In other words the law shifted the burden upon the claimant.

C **[15]** Dalam kes *Kii Sie Hoong v. PP* [2008] 1 CLJ 683, Sangau Gunting H berkata mengenai isu seperti berikut:

[19] The learned Deputy Public Prosecutor contends s. 32 of Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988, "places the burden on the appellant to show such properties and that
D it is not liable to forfeiture." In support, the learned Deputy Public Prosecutor cited *PP v. Tan Lee Kok* [1998] 2 CLJ 286 (CA). This submission seems to have been conceded by the learned counsel for the appellant.

[20] Citing s. 35 of the Act, the learned Deputy Public Prosecutor
E says "in any proceeding brought under this Act, the Sessions Court to which a claim is referred under s. 32(2) of the Act, shall at the outset of the proceeding presume that the appellant is a liable person and that the seized property is illegal property." In this connection, the case of *PP v. Lee Kee Seng*
F *& Anor* [2005] 3 CLJ 649 (High Court) was cited. This contention also appears to have been conceded by the appellant's counsel.

[21] With respect, I would agree with what appears to be the learned Deputy Public Prosecutor's summarized formulation of
G what the court must determine in the instant case as well as in similar cases: Whether the appellant has successfully established (i) that concerning the property no offence has been committed under the Act or under the Dangerous Drugs Act 1952, (ii) that such property is not illegal property, and (iii) that the appellant is lawfully entitled to the property.
H Failure on the appellant's part to fulfill the burden of proof is on a balance of probabilities concerning the afore-mentioned matters would render the property liable to forfeiture.

[16] Mahkamah ini bersetuju sepenuhnya dengan keputusan kes-kes
I di atas bahawa beban untuk mematahkan anggapan dibawah s. 35 hendaklah dibaca bersama dengan beban bukti yang diletakkan di

bawah s. 32(3) Akta. Mahkamah ini ingin menambah. Keputusan tersebut diperkukuhkan lagi dengan penelitian yang dibuat ke atas peruntukan s. 32(3) Akta ini sendiri berhubung dengan prosedur yang telah ditetapkan. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

(i) Tuntutan penuntut hendaklah dirujuk ke mahkamah (jika ada tuntutan yang dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan);

(ii) Mahkamah akan mengeluarkan saman kepada pihak yang menuntut dan menetapkan tarikh untuk kehadiran penuntut ke mahkamah;

(iii) Sama ada penuntut hadir atau tidak pada tarikh yang ditetapkan (setelah dibuktikan saman telah diserahkan), mahkamah hendaklah meneruskan dengan pemeriksaan/perbicaraan tuntutan tersebut;

(iv) Selepas pemeriksaan/perbicaraan dijalankan, jika mahkamah berpuashati bahawa:

(a) tiada kesalahan di bawah Akta tersebut atau di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dilakukan berkaitan harta yang dituntut;

(b) harta yang dituntut itu bukannya merupakan harta yang menyalahi undang-undang; dan

(c) penuntut berjaya membuktikan bahawa beliau berhak di sisi undang-undang terhadap harta tersebut,

harta tersebut hendaklah dilepaskan kepada penuntut. Sebaliknya, jika penuntut gagal membuktikan ketiga-tiga perkara di atas, harta tersebut hendaklah dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia.

[17] Adalah jelas bahawa prosedur yang ditetapkan di atas meletakkan beban pembuktian ke atas orang menuntut bahawa dia berhak ke atas harta itu menurut undang-undang dan tidak ke atas pendakwaraya. Inilah apa yang dimaksudkan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Tan Lee Kok (supra)* apabila mahkamah memutuskan:

> Section 32(3) places the burden upon the person making the claim 'upon proof that he is lawfully entitled thereto'. Section 32 therefore, places no burden on the Public Prosecutor to proof anything. It merely places the burden to refer the claim to the Sessions Court.

A **Analisis Fakta Kes**

[18] Dalam kes dihadapan mahkamah ini, walaupun benar bahawa pihak perayu telah memberi kemudahan sewa beli melalui urusan perniagaan biasa yang sah ("lawfully given in the course of ordinary
B legitimate business") kepada penyewa yang kemudiannya telah menjadi "orang kenaan" ('liable person'), namun beban bukti adalah terletak atas pihak perayu bagi membuktikan bahawa kereta yang dituntut itu bukan sahaja sah dari segi proses sewa beli tetapi perlu juga membuktikan bahawa kereta tersebut tidak termasuk dalam
C tafsiran "harta yang menyalahi undang-undang" ('illegal property') dibawah s. 2 Akta tersebut. Seksyen 2 Akta mentafsirkan "harta yang menyalahi undang-undang", antara lain sebagai "apa-apa harta, sama ada di dalam atau di luar Malaysia:

D (a) yang keseluruhannya atau sebahagiannya diperolehi atau didapati daripada atau dengan jalan apa-apa aktiviti larangan dijalankan oleh mana-mana orang selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

[19] Mengikut keterangan yang dikemukakan di Mahkamah
E Sesyen, perayu yang diwakili SP1 menyatakan bahawa beliau tidak tahu siapakah yang membayar deposit pembelian kereta tersebut kerana wang deposit telah dibayar terus kepada peniaga (dealer) iaitu Nasim Sdn Bhd Petaling Jaya. SP1 mengesahkan bahawa pinjaman yang diberikan oleh Perayu kepada Penyewa ialah berjumlah
F RM101,000 dan bayaran bulanan adalah RM1,472 dan beliau tidak tahu siapakah yang membuat pembayaran tersebut. SP1 mengesahkan kereta tersebut didaftarkan atas nama "Thang" (penyewa). Sewaktu disoal balas, SP1 mengakui bahawa penyewa telah ditahan atas kesalahan bersabit dengan dadah. Oleh itu, fakta
G bahawa penyewa ialah "orang kenaan" tidak dipertikaikan.

[20] Deposit yang dibayar adalah berjumlah RM17,950, manakala wang ansuran bulanan yang telah dibayar adalah sebanyak 21 kali dengan jumlah keseluruhannya bernilai RM38,408.72. Oleh itu
H jumlah keseluruhan wang yang berpunca dari "Thang" (penyewa) adalah sebanyak RM56,359.22. Perlu diberi perhatian bahawa jumlah ini telah gagal dibuktikan oleh SP1 mahupun penuntut yang lain sebagai berpunca daripada sumber kewangan yang sah.

I **[21]** Dalam mematahkan anggapan statutori di bawah s. 35 Akta, iaitu kereta tersebut bukanlah "harta yang menyalahi undang-undang", perayu perlu membuktikan bahawa keseluruhan harga

pembelian dan pembayaran balik pinjaman itu adalah berpunca daripada sumber yang sah. Malangnya perayu telah gagal untuk berbuat demikian.

[22] Dalam kes *PP v. Lee Kee Seng & Satu Lagi* [2005] 3 CLJ 649 dinyatakan di keputusan No. (1) seperti berikut:

> [1] Dalam kes ini beban adalah di atas Hong Leong Finance untuk membawa keterangan untuk menolak anggapan yang timbul iaitu Lee Kee Seng dan/atau Loh Kah Hock bukan "illegal person" dan kereta tersebut bukan "liable property". Dari keterangan wakil Hong Leong Finance mereka berjaya membuktikan RM70,000 dari harga belian adalah dari sumber yang sah iaitu dari wang pinjaman yang diberikan oleh Hong Leong Finance. Walaupun begitu, tiada keterangan untuk membuktikan bahawa RM50,000 yang dibayar oleh Loh Koh Hock adalah dari sumber yang sah ...

Seterusnya mahkamah menyatakan:

> Oleh itu untuk mematahkan anggapan bahawa kereta tersebut bukan "illegal property" perlu dibuktikan keseluruhan harga belian dan pembayaran balik pinjaman adalah dari sumber yang sah. Ini telah gagal dilakukan oleh Hong Leong Finance. Hanya dengan membuktikan bahawa sebahagian pembelian adalah dari sumber yang sah tidak mencukupi untuk mematahkan anggapan tersebut.

[23] Keterangan saksi-saksi yang lain juga telah gagal membuktikan bahawa kereta tersebut adalah harta yang sah. Keterangan SP2 mengesahkan bahawa "Thang" (penyewa) adalah pemilik berdaftar kereta dan bukannya SP3. Walaupun SP3 mengakui bahawa wang ansuran tersebut adalah dibayar dari punca pendapatan beliau sendiri dan bukannya dari pendapatan atau wang dari "Thang", namun SP3 gagal mengemukakan bukti-bukti yang menyakinkan. SP3 mengemukakan 22 keping resit bayaran wang ansuran, namun 21 sahaja yang mempunyai maklumat yang lengkap. Manakala satu resit yang dikemukakan adalah resit kosong. Pada setiap resit tersebut tercatat nama "Thang" (penyewa) dan bukannya nama SP3. Tiada keterangan lisan ataupun keterangan dokumentasi lain yang dikemukakan bagi menyokong bahawa wang tersebut diberikan/atau dipindahkan kepada "Thang" (penyewa) daripada SP3. Dan "Thang" (penyewa) tidak pernah dipanggil sebagai saksi oleh pihak perayu bagi menjelaskan tentang punca sebenar wang yang digunakan untuk membuat bayaran kereta tersebut.

[24] Hujah terakhir peguambela terpelajar ialah bahawa tiada mana-mana orang, termasuklah pasukan polis atau Kerajaan Malaysia, boleh melucuthakkan mana-mana harta sah seseorang. Memandangkan dalam kes ini, tiada keterangan yang boleh membuktikan bahawa kereta tersebut telah dibeli dengan wang yang diperolehi dari mana-mana "aktiviti larangan" ("prohibited activity"), perintah pelucuthakan yang dibuat oleh Tuan Hakim Sesyen yang bijaksanan dikatakan bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

[25] Bagi menjawab hujah tersebut, adalah memadai jika dipetik penghakiman Lamin PMR dalam kes *Ketua Polis Negara & Anor v. Gan Bee Huat & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 1 di ms. 14:

> We fail to see how his submission can legally be supported for it is really a non-starter. The Dangerous Drugs (Forfeiture of Property) Act 1988 was enacted by Parliament in pursuance of art. 149 of the Federal Constitution.

Seterusnya beliau berkata:

> Even assuming therefore that s. 32 is found to be inconsistent with art. 13, by the express authority of art. 149(1), the said section shall remain valid. In other words, s. 32 cannot be challenged on the ground that it is inconsistent with art. 13 of the Federal Constitution.

[26] Mahkamah ini ingin menambah berhubung dengan tujuan Akta digubal oleh Parlimen. Akta ini telah digubal untuk digunakan sebagai 'law enforcement tool'. Perlucuthakkan harta telah terbukti sebagai salah satu alat penguatkuasaan undang-undang yang amat berkesan untuk membanteras kegiatan pengedar-pengedar dadah besar dan rangkaian kegiatan mereka. Kegagalan untuk melumpuhkan struktur ekonomi pengedar-pengedar dadah dan rangkaian kegiatan mereka akan menjejaskan keselamatan, kesihatan dan keamanan negara. Perlucuthakkan harta boleh menghalang cita-cita mereka yang didorong oleh tamak haloba untuk bergiat dalam aktiviti pengedaran dadah. Perlucuthakkan harta akan menafikan keuntungan yang diperolehi daripada jenayah pengedaran dadah yang diperlukan untuk membolehkan mereka meneruskan kegiatan haram tersebut. Perlucuthakkan harta menyerang sasaran yang paling penting pengedar-pengedar dadah iaitu poket atau akaun bank mereka.

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas, rayuan ini diputuskan tidak bermerit dan dengan demikian ditolak. Perintah perlucuthakkan kereta tersebut yang dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen dikekalkan.